

12 DISEMBER 2017

## Perkasakan segera AADK

### Perkasakan segera AADK

**KUALA LUMPUR 11 Dis.** - Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) perlu diperkasakan dan dinaik taraf bagi meningkatkan keupayaan agensi berkenaan.

Ahli Dewan Negara, Senator Khairul Azwan Harun berkata, AADK selama ini tidak mempunyai kemudahan lengkap t e r m a s u k lokap.

Katanya, selama ini AADK terpaksa menumpang lokap yang dimiliki polis ataupun Pusat Tahanan Imigresen.

"Saya mencadangkan kerajaan melihat di negara-negara lain contohnya di Amerika Syarikat yang memiliki Pusat Penguatkuasaan Dadah yang lengkap, manakala Australia pun mempunyai agensi tersendiri, mungkin di Malaysia, AADK perlu diperkasakan dan dinaiktarafkan.

"Ini pegawai-pegawai AADK pun tidak dibenarkan membawa senjata. Saya tidak pasti sama ada wujud pasukan elit AADK, tetapi kalau di tempat saya di Perak Tengah, memang masalah gejala dadah ini cukup berleluasa," katanya sewaktu membahaskan Bajet 2018 dalam sidang Dewan Negara di sini hari ini.

Tambah Khairul Azwan, usaha mencari penagih dadah tidak boleh bergantung kepada polis semata-mata.

Menurutnya, sekiranya AADK tidak diperkasakan dan dilengkapi dengan senjata yang bersesuaian, ia mendatangkan ancaman kepada mereka kerana penagih-penagih atau pengedar ini mempunyai senjata api seperti pistol, parang dan banyak lagi.

"Kalau hendak serbu sarang penagih dadah, pegawai-pegawai AADK hanya guna cota dan dibantu sahabat-sahabat dari pasukan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela)...mereka ini berhadapan dengan penagih dan pengedar yang ada senjata sendiri, pistol dan parang," ujarnya.



**KHAIRUL AZWAN HARUN**